

14 OCT 2002

Mahathir-Keganasan/I

KEGANASAN AKAN BERTERUSAN KECUALI SEBABNYA DIATASI -- DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau percaya tindakan keganasan akan terus berlaku di dunia ini kecuali sebab-musabab yang mendorong tindakan itu diatasi.

Sambil menyifatkan insiden letupan bom di Bali sebagai "amat malang," Dr Mahathir berkata beliau sebelum ini telah merasa yang sesuatu seperti itu mungkin berlaku di mana-mana di dunia.

Beliau berkata beliau percaya bahawa pada masa ini, tahap kebencian, kepahitan dan kekecewaan adalah lebih mendalam daripada keadaan sebaik sahaja berlakunya serangan 11 Sept 2001 terhadap Amerika Syarikat.

"Ini kerana tidak ada sama sekali usaha dilakukan untuk mengesan apa yang menyebabkan kemarahan yang mendorong seseorang yang sanggup meletupkan diri sendiri bagi menjalankan tindakan keganasan," kata Dr Mahathir pada sidang media selepas membuka Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

Satu letupan yang kuat berlaku pada malam Sabtu lepas di Kuta, daerah yang terkenal sebagai pusat pelancongan Bali, menyebabkan sekurang-kurangnya 187 orang mati dan beratus lagi cedera, kebanyakannya pelancong asing.

Perdana Menteri berkata apa yang sedang dilakukan di dunia hari ini adalah perkara yang hanya akan meningkatkan kemarahan.

"Perasaan marah sedang meluap-luap di dunia ini hari ini. Rakyat Amerika sangat marah kerana negara mereka, buat kali pertamanya, telah diserang dan ini mengaibkan mereka. Jadi mereka bertindak sebagaimana yang dilakukan oleh orang yang sangat marah, dan ini hanya menaikkan kemarahan orang lain pula.

"Jadi dunia hari ini dipenuhi perasaan marah. Tidak ada sesiapa yang bertindak dengan berasaskan kepada alasan yang wajar dan logik," katanya.

Dr Mahathir berkata usaha boleh dilakukan untuk melindungi orang ramai tetapi apabila berhadapan dengan penganas terutama penganas moden, tiada jaminan yang setiap orang boleh dilindungi.

"Satu hari kita mungkin terdedah dan yang malangnya, kita mungkin terperangkap di sesuatu tempat yang diserang oleh mereka. Dalam hal ini ia bukan sahaja melibatkan pelancong dari Eropah atau yang bukan Islam, kerana orang Islam sendiri pada satu hari akan diletupkan juga," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berpendapat tindakan ganas bukan cara yang baik untuk memperjuangkan sesuatu kerana ia bukan dirancang untuk mencapai kejayaan.

"Ia dirancang untuk membalas dendam, tapi bukan untuk mencapai kemenangan hakiki dan ia akan berterusan selagi ada pihak yang mempunyai perasaan benci.

"Jika tindakan seperti itu terus meningkat, maka ia adalah kerana kebencian masih lagi ada," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Malaysia sentiasa mengambil langkah untuk menjaga keselamatannya termasuk menguatkuasakan undang-undang pencegahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) walaupun ada pihak yang menuduh negara ini tidak demokratik kerana berbuat demikian.

"Adakah anda perlu menunggu hingga 180 orang diletupkan baru hendak bertindak? Malang sekali bagi mereka yang menjadi mangsa itu," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata rakyat akan terus berasa tidak selamat sekalipun negara mengambil pelbagai langkah keselamatan kerana sebenarnya

tidak ada langkah keselamatan yang benar-benar sempurna.

Perdana Menteri berkata sebagai contoh, Malaysia tidak mampu memeriksa setiap orang yang memasuki negara ini bagi menghalang mereka daripada melakukan sesuatu yang salah di sini kerana ia menerima kemasukan kira-kira 12 juta pelancong setahun.

"Anda tidak boleh memeriksa setiap orang, membelek kasut mereka, memeriksa belakang telinga mereka dan sebagainya," kata beliau.

Mengulas anggapan bahawa Asia Tenggara kini merupakan kawasan yang berisiko tinggi, Dr Mahathir berkata tindakan keganasan bukan sahaja berlaku di Indonesia tetapi juga di Finland dan banyak tempat lain di seluruh dunia.

"Ingatlah, pengganas yang memandu kapal terbang dan merempuh bangunan (Pusat Dagangan Dunia di New York) berpangkalan di Amerika sendiri dan ini bererti di Amerika juga terdapat sarang bagi pengganas," kata beliau.

-- BERNAMA

AFY AHH SP RON